

DI BULAN PUASA

# Pesaka mahu

## pesilat

B. Harian (M)

## diberi

11 APR 1989

## perhatian



Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengarahkan pentadbiran pusat cemerlang di enam negeri, memastikan latihan perendirian terhadap pesilat skuad Sukan SEA berjalan lancar sepanjang bulan puasa ini.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata langkah itu bertujuan memastikan tahap kecergasan dan ketahanan mental setiap pesilat sentiasa tinggi menjelang latihan pusat peringkat keenam di Kuala Lumpur, pada 9-16 Jun ini.

Pusat cemerlang silat Majlis Sukan Negara (MSN) di Kelantan,

Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur, Selangor dan Johor itu masing-masing dikendalikan oleh seorang jurulatih.

Beliau berkata sekalipun menghadapi kesulitan menggiatkan latihan kerana letih berpuasa, ia tidak bermakna latihan boleh diabaikan.

"Saya percaya setiap jurulatih ada cara tersendiri bagi menyusun jadual latihan. Apa yang mustahak, gelanggang latihan tidak sunyi sepanjang bulan puasa ini," kata beliau.

Sulaiman berkata, latihan pusat pada Jun ini begitu penting kepada semua pesilat.

# Pesaka sediakan pelapis

B. Harian (M)

17 APR 1989 3

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan menyediakan skuad pelapis yang mantap bagi menghadapi Kejuaraan Silat Jemputan Brunei pada Jun ini.

Ini berikutan arahan terbaru Majlis Sukan Negara (MSN) agar persatuan itu tidak menyenaraikan peserta utama menyertai sebarang kejohanan antarabangsa atau kebangsaan sebelum Sukan SEA, Ogos ini.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata arahan MSN itu memaksa pihaknya menghantar skuad pelapis bagi mewakili negara dalam pertandingan di Brunei itu.

Bagaimanapun katanya, ini tidak bermakna pesilat yang disenaraikan ke Bru-



nei nanti tidak berkemampuan untuk meraih pingat emas di kejohanan itu.

Menurutnya, skuad pelapis negara juga mempunyai kewibawaan seimbang dengan pencapaian barisan pesilat utama.

"Sebelum ini kami bercadang menurunkan peserta utama bagi menimba pengalaman, sebagai pesediaan menghadapi Sukan SEA.

"Tetapi, kami terpaksa akur dengan arahan terbaru MSN yang menghalang peserta utama Sukan SEA dikecualikan bagi mengelakkan kecederaan," kata penolong setiausaha Pesaka itu.

Sulaiman berkata, pemilihan pesilat ke Brunei dibuat berdasarkan latihan pusat peringkat keenam di Kuala Lumpur selepas Hari Raya Puasa nanti.

Setakat ini, 30 pesilat Sukan SEA terpaksa bersaing dalam latihan pusat.